

# UPM pacu strategi jadi IPT penyelidikan terbaik

BH 30 OGOS 06

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan terus memacu perancangan dan strategi terbaik ke arah mentransformasikan universiti itu menjadi institusi penyelidikan terkemuka di rantau ini.

Naib Canselornya, Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata bagi mencapai matlamat itu, pengetahuan dan perkhidmatan cemerlang di kalangan tenaga akademik dan staf sokongan akan terus dipertingkat secara kondusif.

Katanya, peningkatan itu boleh dilakukan dengan melawat institusi terkemuka luar negara, pembacaan dan jaringan hubungan dengan rakan sejawat tempatan serta luar negara, sekali gus menerapkan kaedah dan amalan tadbir urus yang bersesuaian di UPM.

"Kita perlu membudayakan cara

pentadbiran cekap dan berkesan yang tidak terlalu terkongkong dengan kerena birokrasi.

"Malah, isu kecil yang cuba diketengahkan sesetengah pihak sehingga menjadikan integriti dan kewibawaan tradisi keilmuan universiti tidak seharusnya membuatkan kita hilang fokus dan kurang semangat.

"Justeru, kakitangan dan jabatan di universiti kita sentiasa digalak mananam sikap positif dan berusaha mempertingkat pengetahuan dan kompetensi sejahtera ekonomi berlandaskan pengetahuan," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Anugerah Fellowship Naib Canselor, Jasa Putra, Setia Putra dan Perkhidmatan Cemerlang UPM 2006 di Serdang, semalam.

Turut hadir tiga Timbalan Naib Canselor iaitu Prof Madya Dr Azali Mohamed (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Madya Dr Radin Umar Radin Sohadi (Akademik dan Pengantarabangsaan) dan Prof Dr Abu Bakar Salleh (Penyelidikan dan Pembangunan).

Seramai 656 tenaga akademik dan sokongan universiti itu yang terdiri daripada pasangan suami isteri dan adik beradik menerima anugerah yang disampaikan Nik Mustapha.

Daripada jumlah itu, lapan menerima Anugerah Fellowship Naib Canselor antaranya Prof Madya Dr Zaidan Abdul Wahab, Prof Madya Dr Che Teh Fatimah Nachiar Iskandar; Prof Dr Ahmad Zubaidi Baharumshah, Prof Dr Mohd Zobir Hussein, Prof Madya Dr Mohd Kamil Yusoff dan Mohd Faizal Daud.



KELUARGA CEMERLANG: Kamariah Hashim dan Mohd Jan Mohd Daud (tengah) berkongsi kegembiraan bersama anak mereka, Mohd Wafi Azimi selepas menerima anugerah perkhidmatan cemerlang masing-masing di UPM, semalam.

## FAKTA NOMBOR

**402**

Penerima anugerah perkhidmatan cemerlang

**129**

Penerima anugerah Setia Putra

**117**

Penerima anugerah Jasa Putra